


BAHAGIAN A

[50 markah]

Jawab **semua** soalan.

Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini : **60 minit**.

1. Rajah 1 menunjukkan carta alir langkah menyelesaikan satu tugas.
Lengkapkan carta alir pada ruang yang disediakan.



Rajah 1

[4 markah]

2. Pernyataan berikut adalah tentang keluarga Encik Arif.

Encik Arif bekerja sebagai kerani di sebuah sekolah dan berpendapatan RM1600.00 sebulan. Pada waktu malam, beliau berniaga roti canai di gerai berdekatan rumahnya. Isterinya menjual kuih-muih secara atas talian.

Berdasarkan pernyataan berikut, nyatakan sumber pendapatan Encik Arif.

- (i) Sumber utama:
- (ii) Sumber alternatif:

[2 markah]

3. Berikut adalah situasi dalam keluarga.

Kenalpasti punca konflik berdasarkan situasi itu pada ruang yang disediakan.

Situasi	Punca Konflik
Aisyah mengalami tekanan untuk belajar kerana menghadapi masalah kewangan untuk membeli buku rujukan.	
Zarif terlibat dengan budaya negatif kerana ibu bapa yang sering bertengkar.	
Sarah sering bergaduh dengan abangnya kerana berbeza pendapat.	


[3 markah]

4. Nyatakan ciri fabrik berikut pada ruang yang disediakan.

Fabrik	Ciri Fabrik
Kapas	
Poliester	

[2 markah]

5. Rajah 2 menunjukkan bahagian badan yang perlu diukur semasa mengambil ukuran badan.



Rajah 2

Nyatakan bahagian berlabel:


P:.....

Q:.....

R:.....


[3 markah]

6. Rajah 3 menunjukkan pandangan hadapan dan pandangan belakang sehelai rompi.




Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3, lukis dua tanda pola yang betul pada pola yang disediakan.



[2 markah]

7. Rajah 4 menunjukkan dua helai blaus yang menggunakan fabrik nipis. A, B, C dan D adalah proses jahitan yang terdapat pada blaus itu.



Rajah 4

Nyatakan proses jahitan pada bahagian itu.

A:.....

B:.....

C:.....

D:.....

[4 markah]

8. Berikut adalah pengenalan fungsi nutrien dalam makanan.

Nyatakan nutrien itu mengikut fungsinya pada ruang yang disediakan.

Pembekal Tenaga	Pencegah Penyakit

[4 markah]

9. Menu ialah senarai makanan yang dihidangkan untuk sesuatu sajian.

Nyatakan dua tujuan merancang menu.

- i) _____

- ii) _____

[2 markah]

10. Maklumat berikut adalah huraian bagi satu peranan usahawan.

- Meningkatkan peluang pekerjaan
- Membayar gaji dan memberi bonus kepada pekerja
- Produk yang dihasilkan dapat dinikmati oleh semua golongan

Nyatakan peranan usahawan itu.

.....

[1 markah]

11. Apakah maksud ergonomik?

[1 markah]

12. Nyatakan mikroorganisma penyebab kerosakan makanan berdasarkan ciri berikut pada ruang yang disediakan.

Mikroorganisma	Ciri
	Organisma multisel
	Bentuk bulat, rod dan berpilin
	Membiak melalui penurasan

[3 markah]

13. Nyatakan tiga peralatan menghidang yang digunakan dalam penyediaan dan penyajian makanan.

- (i)
- (ii)
- (iii)

[3 markah]

14. Maklumat berikut adalah tentang kaedah memasak.

Q	Memasak makanan dengan menggunakan haba yang sangat panas di atas api yang terbuka atau tertutup.
R	Memasak makanan dengan menggunakan wap air mendidih.


Nyatakan kaedah memasak:

Q : _____

R: _____

[2 markah]

15. Rajah 5 menunjukkan satu kaedah memasak makanan.




Rajah 5

Nyatakan tiga prinsip memasak makanan itu.

- (i)
- (ii)
- (iii)

[3 markah]

16. Rajah 6 menunjukkan sejenis sayuran.



Rajah 6

Nyatakan tiga prosedur penyimpanan sayuran itu.

(i) _____

(ii) _____

(ii) _____

[3 markah]

17. Maklumat berikut adalah ciri pemilihan hasil laut.

- Berbau segar dan tidak busuk
- Kulit tidak berubah warna dan masih melekat


Nyatakan dua contoh hasil laut itu.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

18. Rajah 7 menunjukkan peta buih bijirin dan contohnya bagi sajian timur dan barat.



Rajah 7

Apakah contoh bijirin Y dan Z.

Y : _____

Z : _____

[2 markah]

18. Nyatakan satu contoh hidangan dessert bagi sajian timur dan sajian barat.

Sajian timur:

Sajian barat:

[2 markah]

19. Jadual 1 menunjukkan senarai kos untuk menyediakan chiffon cake.

Bil.	Bahan	Kuantiti	Kos Seunit (RM)	Jumlah Kos (RM)
1	Tepung gandum	-	-	0.10
2	Mentega	40g	6.00/300g	
3	Susu	-	-	1.00
4	Telur	-	-	1.20
5	Cream	-	-	0.15

Jadual 1

Berapakah:

(a) Kos mentega: _____

(b) Kos bahan: _____

[2 markah]

BAHAGIAN B

[50 markah]

Jawab **semua** soalan.

Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini : **90 minit**.

21. Pernyataan berikut adalah tentang keluarga Encik Rahman.

- Encik Rahman bekerja sebagai seorang peguam
- Isterinya, Puan Kamsiah merupakan seorang suri rumah dan aktif menerima tempahan kek
- Mempunyai dua orang anak yang masih bersekolah

(a) Berdasarkan pernyataan berikut, terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pengurusan sumber keluarga Encik Rahman.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[9 *markah*]

(b) Nyatakan satu jenis sumber manusia dalam kategori sumber keluarga.


.....

[1 *markah*]

22. Persatuan SRT sekolah anda bercadang untuk memasarkan produk berasaskan roti untuk projek jualan sekolah. Anda dikehendaki menghasilkan label makanan untuk produk itu. Lakar dan labelkan label makanan yang kreatif untuk produk itu yang mengandungi maklumat mengikut peraturan-peraturan makanan 1985.

[10 *markah*]

23. Rajah 8 menunjukkan lakaran stail pakaian yang akan dipilih oleh Alia yang mempunyai bentuk badan yang tinggi dan langsing.



Rajah 8

Berdasarkan Rajah 8,

(a) (i) Kenal pasti kesan ciri stail pakaian itu kepada Alia.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[12 markah]

(ii) Berdasarkan jawapan di (a) (i), tentukan lakaran stail pakaian yang sesuai Untuk Alia

.....

[1 markah]

(b) Cadangkan warna yang sesuai untuk pakaian pilihan Alia dan berikan alasan.

[2 markah]

24. Encik Abu telah dilantik untuk mengetuai satu organisasi. Malumat berikut adalah hasil dapatan Encik Abu daripada soal selidik yang telah dijalankan ke atas organisasi itu.

- Terdapat kumpulan pekerja yang sering berselisih faham
- Terdapat pekerja yang bekerja sambil lewa
- Kebanyakan pekerja tidak bersuara walaupun tidak sependapat

Berdasarkan pernyataan berikut,

(a) Terangkan kaedah yang perlu dilaksanakan oleh Encik Abu untuk mengekalkan hubungan yang baik dalam organisasi itu.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[12 *markah*]

(c) Nyatakan tiga ciri semangat kerjasama dalam kerja sepasukan.

- (i)
- (ii)
- (iii)

[3 *markah*]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT